

Berita Harian

SELASA, 7 APRIL 2015 (17 JAMADILAKHIR 1436)

Teruskan semangat jaya ke Sukan SEA

Pesilat catat keputusan terbaik dalam sejarah di kejohanan Asia Tenggara



ATASI KECEDERAAN: Nur Alfian (kanan) mengatasi kecederaan yang dialami di separuh akhir bagi menewaskan pesilat Indonesia Ryan Sazali di final kelmarin. – Foto THE STRAITS TIMES

PENCAPAIAN BERSEJARAH: Pasukan silat nasional meraih 19 pingat, termasuk tujuh emas di Kejohanan Pencak Silat SEA kelima. – Foto PERSISI



► **NORMAN SAWI**
normans@sph.com.sg

SINGAPURA mencapai keputusan terbaik dalam sejarah di Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara (SEA) kelima hujung minggu lalu; mengutip 19 pingat; tujuh emas, dua perak dan 10 gangsa.

Bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, berkata ganjaran paling berharga yang diraih anak didiknya ialah pengalaman yang diperolehi sepanjang pertandingan dwitahunan itu.

"Mereka dah lihat bagaimana atlet asing berjuang bermati-matian bagi negara... atlet kami perlu menanam sikap ini dan berkorban demi negara," kata Sheik Alau'ddin, bekas juara dunia berganda.

Cabaran yang dibentang oleh

Sheik Alau'ddin ini disahut oleh pesilat lelaki nasional di final di Dewan Sukan Toa Payoh kelmarin.

Mengatasi kecederaan, mereka memenangi kesemua lima final acara tanding yang disertai bagi meraih emas.

Dua lagi pingat emas disumbang oleh Muhammad Iqbal Abdul Rahman dalam acara tunggal putera dan trio pasukan seni perempuan – Nur Shafiqah Sheik Alau'ddin, Nurul Khairunissa Azlani dan Nur Fazlin Juma'en.

Bekas juara dunia Muhammad Shakir Juanda menahan sakit di lutut di final Kelas H (80-85 kilogram) bagi menewaskan Mohd Robial Sobri (Malaysia) 2-1.

Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin pula mengatasi konkusi bagi menewaskan pesilat Vietnam Nguyen Van Curong 5-0 dalam final Kelas E (65-70 kilogram). Lawannya itu

dikenakan potongan mata kerana membuat pukulan yang tidak dibenarkan.

Turut mengatasi konkusi ialah Muhammad Nur Alfian Juma'en yang berjaya mengatasi lawannya Ryan Sazali (Indonesia) 5-0 di final Kelas F (70-75 kilogram).

Di separuh akhir Sabtu lalu, Nur Alfian terpaksa diusung keluar di pusingan kedua setelah menerima tumbukan dan tendangan di tulang rahang dan kepala semasa bertemu pesilat Vietnam Vu Van Hoang. Namun Nur Alfian, juara Sukan Asia Tenggara (SEA) 2013, bangkit bagi menewaskan Vu di pusingan ketiga.

Menurut Nur Alfian, apabila dihubungi semalam, bukan sahaja kepalanya masih bengal, malah beliau tidak ingat apa-apa yang berlaku di pusingan ketiga separuh akhir. Beliau diarah doktor berehat sehingga Jumaat ini.

"Mujurlah saya berjaya kembali cergas sebelum final... Seperti rakan yang lain, saya juga ingin menyumbang emas bagi pasukan dan negara," kata Nur Alfian, 18 tahun.

Sementara itu, Sheik Alau'ddin berkongsi bahawa kejohanan itu yang turut digunakan bagi menguji keupayaan menganjur dan keberkesanan peralatan – seperti sistem pemarkahan elektronik – bagi Sukan SEA telah memberi pihaknya gambaran baik bagi memperhalusi persiapan.

Seterusnya, pasukan silat nasional akan menyertai dua pertandingan di Kuala Lumpur dan Jakarta akhir bulan ini.

"Secara keseluruhan, kejohanan ini boleh dianggap berjaya, bukan sahaja dari segi pingat yang dimenangi, malah dari segi pentadbirannya.

"Kini, kami hanya perlu kekalkan momentum bagi Sukan SEA," kata Sheik Alau'ddin.